



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 56 / 2020

RALAT KEPADA SENARAI PARTI DAN JUMLAH KERTAS PENAMAAN BAGI PRU DUN SABAH KE-16

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ingin memaklumkan pindaan pada Kenyataan Media Bil. 55 / 2020 yang telah diedarkan pada 12 September 2020 (Sabtu). Pindaan maklumat tersebut adalah berkaitan dengan senarai nama parti dan jumlah calon yang layak bertanding bagi PRU DUN Sabah Ke-16 namun tidak mengubah jumlah keseluruhan calon yang bertanding iaitu seramai 447 calon.
2. Pihak Urusetia SPR memohon maaf atas kekhilafan yang tidak disengajakan semasa proses memasukkan data telah berlaku sedikit kesilapan maklumat. SPR ingin memaklumkan kekhilafan ini tidak menjejaskan persiapan pilihan raya di peringkat Pegawai Pengurus mahu pun cetakan kertas undi bagi DUN berkenaan. Berikut adalah senarai nama parti dan jumlah calon yang telah dipinda untuk makluman :

| BIL. | PARTI | JUMLAH | |
|-------------|-------------------------------|----------------|----------------|
| | | SEBELUM | SELEPAS |
| I. | Parti Warisan Sabah (WARISAN) | 53 | 54 |
| II. | Parti Amanah Negara (AMANAH) | 1 | 0 |

| BIL. | PARTI | JUMLAH | |
|------|----------------------------------------------------------|---------|---------|
| | | SEBELUM | SELEPAS |
| III. | Parti Perpaduan Rakyat Sabah (PPRS) | 23 | 24 |
| IV. | Pertubuhan Perpaduan Rakyat Kebangsaan Sabah (PERPADUAN) | 1 | 0 |

3. Untuk makluman, calon Parti Amanah Negara (AMANAH) akan bertanding di bawah tiket Parti Warisan Sabah (WARISAN), manakala tiada calon yang mewakili Pertubuhan Perpaduan Rakyat Kebangsaan Sabah (PERPADUAN) tetapi sebaliknya adalah calon untuk Parti Perpaduan Rakyat Sabah (PPRS).
4. Sebarang kekeliruan dan masalah yang mungkin timbul amatlah dikesali. Untuk pertanyaan atau penjelasan lebih lanjut boleh hubungi *call center* SPR untuk PRU DUN Sabah Ke-16 di talian 03-8892 7018 (8 pagi hingga 10 malam).

Sekian, harap maklum.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

Tarikh: 13 September 2020 / 25 Muharam 1442H